MFPC

Malaysian Financial Planning Council

Competence.Ethics.Standards

Panduan Perancangan Kewangan

Wangku



Diperakui oleh:

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Life Insurance Association of Malaysia

MALAYSIAN TAKAFUL ASSOCIATION

AFA ASSOCIATION OF FINANCIAL ADVISERS

Terbitan MFPC (Majlis Perancangan Kewangan Malaysia-MPKM)

Wangku - Edisi Pertama 2025

BUKU PANDUAN WANGKU

Saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Perancang Kewangan Malaysia (MFPC) atas inisiatif dalam membangunkan panduan perancangan kewangan-WangKu, yang menyediakan maklumat komprehensif dan mudah diakses berkenaan pelbagai aspek dalam perancangan kewangan peribadi kepada masyarakat awam. Ianya diolah untuk membolehkan individu dari pelbagai latar belakang membuat keputusan kewangan yang lebih bijak dan termaklum bagi mencapai keselamatan dan kesejahteraan kewangan yang lebih baik.

Perancangan kewangan yang dahulunya sering dianggap hanya relevan kepada mereka yang berharta atau mempunyai aset yang perlu diuruskan. Tetapi kini, ianya relevan kepada semua lapisan masyarakat, bagi menjamin masa depan diri dan keluarga, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan sering berubah. Perancangan kewangan yang bertumpukan kepada pemeliharaan nilai dan pertumbuhan berterusan kini menjadi satu keperluan.

Hal ini bertepatan dengan kerangka Ekonomi MADANI, yang bertujuan memperkukuh semua aspek kehidupan rakyat. Dengan memberi tumpuan kepada perancangan kewangan, termasuk analisis penyata kewangan, pengurusan hutang, pengurusan insuran dan risiko, perancangan pelaburan, perancangan cukai, perancangan harta pusaka, perancangan pendidikan serta perancangan persaraan, panduan WangKu amat bersesuaian ke arah meningkatkan literasi kewangan dikalangan rakyat Malaysia.

Saya memuji usaha berterusan MFPC dalam meningkatkan literasi kewangan dikalangan rakyat negara ini, khususnya melalui program My Money & Me yang turut mendapat pengiktirafan daripada UNESCO. Saya amat berharap, dengan pelantikan MFPC selaku pengerusi bagi Malaysia oleh UNESCO Entrepreneurship Education Network (EE-Net) bagi tempoh tiga tahun (2024-2027), program-program yang bakal dilaksanakan akan terus membantu rakyat Malaysia memahami asas pengurusan kewangan peribadi dengan lebih baik.

Panduan ini turut diperakui oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Persatuan Insuran Hayat Malaysia (LIAM) serta Persatuan Takaful Malaysia (MTA).



WangKu merupakan satu lagi bukti kesungguhan berterusan MFPC dalam mempertingkatkan literasi kewangan, memperkasa ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Saya berharap lebih banyak inisiatif yang inovatif dan kreatif seperti ini akan terus dilaksanakan pada masa akan datang.

YB Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
Menteri Kewangan II

Isi Kandungan

01 Perancangan Kewangan Menyeluruh

02 Liputan Perbincangan

03 Lapan Teras Perancangan Kewangan

04 Keperluan Utama Perancangan Kewangan

05 Perancangan Kewangan untuk Anda



1. Perancangan Kewangan Menyeluruh



Objektif:


a. Pengenalan kepada perancangan kewangan: Memperkenalkan konsep perancangan kewangan serta keperluan dalam mencapai kewangan yang kukuh dan matlamat jangka panjang.

b. Konsep asas kewangan: memperincikan konsep-konsep utama seperti perancangan aliran tunai dan nilai bersih, pengurusan risiko dan insuran, perancangan pelaburan, perancangan cukai, perancangan harta pusaka, perancangan pendidikan dan perancangan persaraan.

c. Langkah yang perlu dilakukan: Menawarkan kepada pembaca langkah-langkah serta peralatan yang boleh digunapakai untuk memulakan perjalanan dalam perancangan kewangan, termasuk menyediakan bajet, menetapkan matlamat kewangan, memahami kepelbagaian pilihan simpanan dan pelaburan dan melindungi diri dari risiko kewangan menggunakan insuran.

2. Liputan Perbincangan

Analisis Penyata Kewangan, Pengurusan Hutang, Pengurusan Risiko dan insuran, Perancangan Pelaburan, Perancangan Cukai, Perancangan Harta Pusaka, Perancangan Pendidikan dan Perancangan Persaraan.



3. Lapan Teras Perancangan Kewangan



4. Keperluan Utama Perancangan Kewangan

Keutamaan
Aliran Tunai

Matlamat
• Supaya ada lebihan tunai tahunan.

Tujuan
• Berbelanja ikut kemampuan.

Prinsip utama
• Sentiasa mempunyai simpanan tunai kecemasan sebanyak 3 hingga 6 bulan pendapatan bulanan

• Sentiasa menyimpan sekurang-kurangnya 10% dari pendapatan sebagai simpanan (tidak termasuk KWSP)

Perkara dalam Aliran Tunai

Dana Kecemasan

Bagaimana ia boleh dicapai?

Cadangan:
• Bajet bulanan

• Simpanan dalam akaun Bank / Bon Malaysia / Sukuk

Maklumat berkenaan Sukuk di Malaysia

Pasaran bon dan sukuk

• Aset-aset yang dilaburkan mestilah dalam bentuk tunai, kecairan tinggi dan modal dilindungi.

Tempoh
• Matlamat jangka pendek adalah untuk mempunyai lebihan tunai dalam setahun.

Keutamaan

Kedudukan Kewangan

Matlamat

• Untuk mencapai nilai bersih yang positif.

Tujuan

• Untuk meningkatkan aset-aset.

Prinsip Utama

• Mengekalkan jumlah aset melebihi jumlah tanggungan.

• Memastikan jumlah tanggungan maksima hanya 50% dari jumlah aset.

Pengiraan Nilai Bersih

Bagaimana ia boleh dicapai?

• Mengadakan sumber tambahan dengan menggunakan kepelbagaian aset peribadi seperti Unit Amanah, Skim Persaraan Swasta(PRS), instrumen pasaran wang, saham, produk insuran, dan Simpanan kendiri KWSP (Ms15)

Perkara dalam aset dan tanggungan

Tempoh

• Matlamat jangka pendek adalah untuk mencapai nilai bersih yang positif.



Keutamaan

Pengurusan Hutang

Matlamat

• Pembiayaan kewangan yang diperlukan pada kadar paling murah dalam jangkamasa panjang.

Tujuan

• Tidak berhutang melebihi keperluan.

Prinsip Utama

• Nisbah pembayaran hutang tidak melebihi 35%.

• Nisbah pembayaran hutang gadai-janji tidak melebihi 15%.

Penjelasan berkenaan nisbah-nisbah kewangan

Bagaimana ianya boleh dicapai?

• Berikan keutamaan menyelesaikan hutang dengan kadar faedah yang tinggi seperti kad kredit bagi mengelakkan kadar bunga yang tinggi.

• Seeloknya menambahkan pembayaran pinjaman asas bagi mengurangkan kadar faedah yang dikenakan (apabila mempunyai lebihan dalam aliran tunai).

• Utamakan pinjaman yang kadar efektif paling rendah untuk pinjaman, ambil kira implikasi kompaun faedah.

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa sederhana untuk menyelesaikan keperluan pembiayaan pada kadar paling rendah dalam satu hingga tiga tahun.



Keutamaan

Pengurusan Risiko Pelaburan

Matlamat

• Untuk mengenalpasti toleransi risiko peribadi.

Tujuan

• Untuk mengelakkan terdedah kepada risiko diluar kemampuan diri.

Prinsip Utama

• Profil risiko peribadi paling rendah dengan pembahagian aset (Ekuiti: 0%-10%, Instrumen Pendapatan Tetap dan Pasaran Wang: 90%-100%)

• Profil risiko peribadi rendah dengan pembahagian aset (Ekuiti: 10%-30%; Instrumen Pendapatan Tetap dan Pasaran Wang: 70%-90%

• Profil risiko peribadi pertengahan dengan pembahagian aset (Ekuiti: 40%-60%; Instrumen Pendapatan Tetap dan Pasaran Wang: 40%-60%)

• Profil risiko peribadi tinggi dengan pembahagian aset (Ekuiti: 70%-90%; INstrumen Pendapatan Tetap dan Pasaran Wang: 10%-30%)

• Profil risiko peribadi paling tinggi dengan pembahagian aset (Ekuiti: 90%-100%; Instrumen Pendapatan Tetap dan Pasaran Wang: 0%-10%)

Memahami profil risiko peribadi


Memahami pembahagian aset

Bagaimana ianya boleh dicapai?

• Elakkan aset yang berisiko sekiranya profil risiko peribadi rendah dan jangkamasa pelaburan pendek

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa pendek adalah mengenalpasti profil risiko peribadi dalam tempoh setahun.



Keutamaan

Perancangan Insurans / Takaful

Matlamat

• Untuk mempunyai perlindungan insuran/ takaful yang mencukupi.

Tujuan

• Untuk melindungi diri dan keluarga dari ketidaktentuan kehidupan, hilang upaya kekal dan penyakit kritikal.

Prinsip Utama

• Perlindungan insuran/takaful mencukupi=Jumlah insuran/takaful sediaada>jumlah insuran/takaful yang diperlukan.

• Untuk menyediakan sekurang-kurangnya 5% sehingga 10% daripada jumlah pendapatan untuk pembayaran Premium insuran/sumbangan takaful.

• Keutamaan Perlindungan: 10x pendapatan tahunan bagi kematian dan hilang upaya kekal; dan 4x pendapatan tahunan untuk penyakit kritikal.

Maklumat berkenaan insuran

Maklumat berkenaan takaful

Perlindungan kematian

Bagaimana ianya boleh dicapai?

Menyediakan sumber pendapatan tambahan:

• Produk insuran/takaful, unit amanah, Skim Persaraan Swasta (SPS), instrumen pasaran wang, saham, pelaburan hartanah dan simpanan kendiri KWSP.

• Elakkan aset pelaburan berisiko sekiranya profil risiko peribadi rendah dan jangkamas pendek.

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa pendek adalah untuk mempunyai perlindungan insuran/ takaful yang mencukupi dalam tempoh setahun.



Keutamaan

Perancangan Pelaburan

Matlamat

• Untuk mengumpul kekayaan.

Tujuan

• Untuk meningkatkan pulangan dalam pelaburan.

Prinsip Utama

• Mengimbangi potfolio bersesuaian dengan profil risiko peribadi. Rujuk pengurusan risiko pelaburan-(Ms8).

• Memastikan sekurang-kurangnya 10% dari pendapatan tahunan disimpan (tak termasuk KWSP).

Jenis-jenis Aset Pelaburan

Contoh pengimbangan potfolio pelaburan

Bagaimana ianya boleh dicapai?

Melabur secara berhemah:

• Unit amanah, Skim Persaraan Swasta (SPS), instrumen pasaran wang, saham, pelaburan hartanah dan simpanan kendiri KWSP.

• Elakkan aset berisiko sekiranya profil risiko peribadi rendah dan berjangkamasa pendek

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa sederhana adalah untuk meningkatkan pulangan pelaburan dalam tempoh satu ke tiga tahun.



Keutamaan

Perancangan Cukai

Matlamat

• Untuk penjimatan cukai.

Tujuan

• Untuk memaksimakan penggunaan pelepasan cukai.

Prinsip Utama

• Untuk menggunakan keseluruhan pelepasan cukai disediakan

Pelepasan Cukai

• Berwaspada dengan kadar yang dikenakan keatas pendapatan dicukai.

Kadar Cukai

Bagaimana ianya dicapai?

Menggunakan kemudahan:

• Pelepasan cukai seperti premium insuran hayat, perbelanjaan perubatan, bayaran pusat penjagaan kanak-kanak dan sebagainya.

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa sederhana adalah untuk mendapat penjimatan cukai dalam tempoh satu ke tiga tahun.



Keutamaan

Perancangan Harta Pusaka

Matlamat

• Membahagikan aset secara efisien

Tujuan

• Membahagikan semua aset kepada pihak-pihak yang sepatutnya.

Prinsip Utama

• Meletakkan penama untuk insuran dan KWSP

• Menyediakan dokumen wasiat dan hibah untuk harta tak alih (rumah, bangunan komersil) dan harta alih (kereta, saham, pelaburan dan sebagainya)

Wang Tak Dituntut

Perancangan Harta Pusaka

Penulisan Wasiat

Memahami Hibah dan Faraid

Bagaimana ianya boleh dicapai?


Menyediakan:

• Wasiat dan meletakkan penama untuk KWSP dan Insuran

• Surat Kuasa Mati

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa sederhana adalah untuk menguruskan segala hal berkaitan harta pusaka dalam tempoh satu ke tiga tahun.



Keutamaan

Perancangan Pendidikan

Matlamat

• Menyediakan dana pendidikan yang mencukupi.

Tujuan

• Untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan peringkat universiti dalam bidang dan cabang diinginkan

Prinsip Utama

• Menyediakan dana pendidikan = jumlah sumber pendidikan > jumlah diperlukan untuk pendidikan (menyediakan sekurang-kurangnya lebih 5% ke 10% dari yang diperlukan)

• Memastikan simpanan tahunan sekurang-kurangnya 10% dari pendapatan (tidak termasuk KWSP).

Bagaimana ianya dicapai?

Digalakkan melabur secara berhemah dalam: Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), unit amanah, instrumen pasaran wang, polisi insuran pendidikan.



Jenis aset untuk pembiayaan pendidikan

Maklumat berkenaan SSPN

Pengecualian Cukai SSPN

Jangkamasa

• Matlamat jangkamasa panjang adalah menyediakan dana pendidikan sebelum anak sulung melanjutkan pelajaran ke universiti.

Keutamaan

Perancangan Persaraan

Objektif

• Untuk mengumpul dana persaraan yang mencukupi.

Tujuan

• Untuk membolehkan individu bersara pada usia dan tahap kewangan yang diingini.

Prinsip

• Dana persaraan yang mencukupi = jumlah sumber yang ada untuk persaraan > jumlah keperluan persaraan (untuk mempunyai sekurang-kurangnya 5% hingga 10% lebihan).

• Kekalkan minimum 10% (tidak termasuk KWSP) daripada jumlah pendapatan sebagai simpanan tahunan.

Bagaimana untuk mencapai?

Pertimbangkan untuk melabur secara berhemah dalam:
Unit amanah, Skim Persaraan Persendirian (PRS), instrumen pasaran wang, polisi insurans persaraan, sumbangan sendiri KWSP, pelaburan hartanah, dan lain-lain.

Jenis-jenis Aset untuk Persaraan

Info PRS

Caruman Pilihan Sendiri KWSP

KWSP dan Persaraan Anda

PRS dan Persaraan Anda

Jangka Masa

• Matlamat jangka panjang adalah untuk mengumpul dana persaraan yang mencukupi sebelum usia persaraan 60 tahun.



5.Perancangan Kewangan untuk Anda

• Perkembangan pesat industri perancangan kewangan mencerminkan masa depan yang lebih cerah dengan pertumbuhan yang sihat dan mendapat permintaan yang tinggi.


5.1 Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia 2022-2026 - Pemangkin Kewangan Digital

• Bank Negara Malaysia (BNM) melancarkan Pelan Tindakan Sektor Kewangan lima tahun Malaysia semasa pembukaan Minggu Kewangan Digital Malaysia (My Fintech Week) pada Januari 2022.

• Minggu Kewangan Digital Malaysia (MyFintechWeek) sebagai acara yang menjadi keutamaan BNM, bertemakan kearah pendigitalan bagi pemulihan, kemampanan dan keterlibatan. Pendigitalan mendepani setiap negara, termasuklah Malaysia menghadapi perubahan ekonomi dan lanskap kewangan akibat wabak Covid-19.

• Pelan Tindakan Sektor Kewangan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi Digital Malaysia serta melonjakkan inovasi kewangan dan transformasi ekonomi.

Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia



5.2 Cabaran dalam Mencapai Matlamat Kewangan yang Ditetapkan

Kelihatan seperti matlamat serta halatuju yang ditetapkan sukar untuk dicapai. Kita tidak mempunyai maklumat statistik yang menunjukkan ramai yang akan mencapai matlamat kehidupan masing-masing tetapi kita mengetahui bahawa ramai yang gagal mencapai matlamat mereka. Apakah sebab-sebab utamanya?

- Halangan peribadi
- Kurangnya interaksi berkenaan literasi kewangan
- Melengahkan tindakan
- Komunikasi yang kurang efektif
- Keliru dengan servis dalam perkhidmatan kewangan
- Inflasi dan cukai

Matlamat Kewangan



5.3 Literasi Kewangan

Seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara, lebih banyak peluang terbuka untuk individu mengejar matlamat hidup dan mencapai kebebasan kewangan. Keputusan kewangan yang kita buat setiap hari memainkan peranan penting dalam membentuk perjalanan ini. Sama ada kita memilih tempat untuk menyimpan wang, merancang persaraan, atau memenuhi keperluan kewangan lain, pilihan yang kita buat hari ini boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan hidup kita.

Keyakinan dan kecekapan dalam mengurus kewangan peribadi merupakan sifat penting untuk mencapai dan mengekalkan kualiti hidup yang baik. Individu yang celik kewangan mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan yang bijak pada setiap peringkat kehidupan, seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup secara berterusan. Isi rumah yang berkemampuan dari segi kewangan pula berinteraksi secara bertanggungjawab dengan penyedia perkhidmatan kewangan, sekaligus memperkukuh daya tahan kewangan mereka.

Dengan mempertingkatkan keupayaan, kemahiran dan motivasi rakyat Malaysia untuk mengawal masa depan kewangan mereka, kita dapat membina komuniti yang lebih kukuh dan membuka jalan ke arah masa depan yang lebih cerah dan inklusif—yang memberi manfaat kepada semua, bukan hanya segelintir.

Strategi Celik Kewangan Kebangsaan (2019 - 2023)



5.4 Aktiviti Penipuan Kewangan

Menurut Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, terdapat lebih daripada 90,000 kes penipuan dalam talian direkodkan dari tahun 2017 hingga 2021, melibatkan kerugian sebanyak RM3.3 bilion. Masalah ini semakin meruncing sehingga Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan arahan tegas kepada semua bank di Malaysia untuk menghentikan penggunaan pengesahan berasaskan SMS dalam perkhidmatan perbankan dalam talian.

Kes-kes Penipuan Atas Talian



MFPC

Malaysian Financial Planning Council

Competence.Ethics.Standards

Muat turun Wangku di www.mfpc.org.my sekarang!

IMBAS dan MUAT TURUN

MFPC Secretariat

@mfpc.official

Lawat laman sesawang kami sekarang

www.mfpc.org.my